



## **TEKS SEMBAH UCAPAN**

**YAB DATO' SERI SAARANI BIN MOHAMAD  
MENTERI BESAR PERAK**

*Sempena*

**MAJLIS MAJLIS JAMUAN TEH & PENYAMPAIAN HADIAH  
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN  
PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN  
TAHUN 2024**

**TARIKH: 31 OGOS 2024 (SABTU)**

**LOKASI: HADAPAN DEWAN BANDARAYA IPOH  
MASA: 11.00 PAGI**

Assalamualaikum Wbr dan Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani dan Salam Perak Sejahtera 2030

Bismillahirrohmanirrohim,

**Menghadap**

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah,

Dan

Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim.

**Ampun tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun,**

Alhamdulillah, dimulai kalam dengan mengangkat setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana berkat kebesaran dan keagungan-Nya jua, patik serta sekalian hadirin berdatang sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku bercemar duli, berangkat ke Majlis Jamuan Teh dan Penyampaian Hadiah sempena Sambutan Hari Kebangsaan pada pagi ini.

**Ampun Tuanku,**

Patik mohon perkenan untuk turut mengalu-alukan kerabat diraja yang turut mengiringi keberangkatan Duli-Duli Tuanku ke majlis ini.

**Menghadap,**

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan,  
Raja Jaafar Ibni Almarhum Raja Muda Musa.

Dan

Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan, Raja  
Nazhatul Shima Binti Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah.

**Menghadap,**

Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan,  
Raja Iskandar Dzulkarnain Ibni Almarhum Sultan Idris A'fifullah Shah

Dan

Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan, Tunku  
Soraya Binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

**Ampun Tuanku beribu ampun, sembah patik mohon diampun,**

Patik dengan penuh takzim merafakkan sembah menjunjung kasih di atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku bercemar duli berangkat ke majlis ini bagi mengiringi Duli-duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sesungguhnya keberangkatan Duli-Duli Tuanku sungguh besar ertinya kepada patik dan seluruh rakyat jelata.

**Ampun Tuanku,**

Patik mohon perkenan untuk turut mengalu-alukan pembesar-pembesar negeri dan persekutuan, dif-dif jemputan dan sekalian yang hadir dan seterusnya menyembahkan ucapan patik.

1. Yang Teramat Mulia Raja Kecil Besar Perak Darul Ridzuan,  
Raja Dato' Seri Azlan Muzaffar Shah Ibni Sultan Nazrin  
Muizzuddin Shah
  
2. Yang Teramat Mulia Raja Kecil Sulung Perak Darul Ridzuan  
Raja Dato' Seri Ahmad Nazim Azlan Shah bin Raja Dato' Ashman  
Shah
  
3. Yang Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja,  
Dato Seri Diraja Tan Sri (Dr) Mohd Zahidi Bin Haji Zainuddin Dan  
Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Diraja Puan Sri  
Rasiah Binti Mohd Noor.
  
4. Yang Berhormat Dato' Mohammad Zahir Bin Abdul Khalid, Yang  
Dipertua Dewan Negeri Perak Dan Isteri, YBhg. Datin Aznee Binti  
Abu Samah.
  
5. Yang Berhormat Dato Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Dan Isteri Datin Che Fauziah  
Binti Ahmad.
  
6. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri  
Perak Dan Isteri.
  
7. Yang Amat Berbahagia Orang Besar-Besar dan Ahli-Ahli Dewan  
Negara Perak Darul Ridzuan dan Toh Puan.

8. Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen Perak Darul Ridzuan.
  9. Yang Berbahagia Tan Sri, Puan Sri, Dato Seri-Dato Seri, Datin Seri-Datin Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Dif-Dif Jemputan, Ketua-Ketua Jabatan Peringkat Negeri Dan Persekutuan Dan Isteri, Pemimpin-pemimpin masyarakat, rakan media dan para hadirin yang dihormati sekalian.
1. Alhamdulillah, kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT - rasa syukur dari lubuk hati yang paling dalam – kerana berkat kurniaan rahmat dan kasih sayang-Nya, kita sekali lagi diberi kesempatan meraikan tarikh keramat 31 Ogos, yang menandakan sudah 67 tahun kita mengecapi nikmat kemerdekaan.
  2. Dalam menghadapi cabaran liku-liku peredaran zaman, rakyat tanpa mengira jalur budaya, identiti bangsa dan anutan agama, tetap teguh berdiri, bersama-sama memikul amanah yang diwariskan para pejuang terdahulu, supaya kemerdekaan tanah bertuah ini terus dipelihara dan dipertahan.
  3. Mereka yang terdahulu telah menyerahkan segalanya – darah, keringat, dan air mata – demi melihat negara ini bebas dari belenggu penjajahan, kekal teguh dengan maruah yang tinggi, sehingga memungkinkan Malaysia kini tumbuh dan berkembang sebagai negara yang dihormati dunia.

4. Pun begitu, dalam kita meraikan hari bersejarah kemerdekaan negara, marilah kita sama-sama merenung sejenak, menginsafi nasib saudara-saudara kita di Palestin yang sehingga saat ini masih diuji dengan derita dan kesengsaraan, tatkala hari-hari mereka terus dibayangi keganasan dan kehancuran.
5. Langit biru mereka diselubungi asap hitam, rumah-rumah mereka yang dibina dengan susah payah, musnah menjadi puing-puing yang bertaburan. Ladang-ladang hijau tempat mereka membanting tulang mencari rezeki, berubah menjadi medan pertempuran yang tiada berpenghujung.
6. Hospital mereka penuh sesak. Deretan pesakit saban waktu semakin panjang, tetapi ubat-ubatan semakin berkurang. Para doktor dan jururawat bekerja tanpa henti dengan tangan menggigil letih tiada terperi. Tetapi mereka tidak berhenti, kerana setiap nyawa yang dirawat adalah kemenangan kecil buat ibu pertiwi.
7. Sesungguhnya, hati nurani rakyat Malaysia yang cintakan keamanan akan membuatkan setiap jeritan dan tangisan mereka bergema dalam sanubari – mengingatkan kita betapa pedih dan azab yang ditanggung tatkala hidup di bawah cengkaman kezaliman yang tiada henti.

8. Begitu jugalah nasib rakyat di negara-negara lain, yang masih bergelut dengan bahana peperangan. Sehingga rakyatnya mengisi hari-hari kelam untuk berjuang meneruskan kehidupan. Mereka berjuang untuk mendakap nikmat kemerdekaan yang masih jauh dalam jangkauan.
9. Maka pada hari yang dipohon keberkatan ini, marilah kita menyematkan rasa kesyukuran, dengan menghargai sebaik-baiknya nikmat keamanan yang dikecapi watan. Meskipun ada waktu-waktunya kita diuji dalam hal-hal yang tidak dapat disepakati, jangan sesekali kita membiarkan keharmonian negara dinodai.
10. Kerukunan hidup rakyat berbilang kaum mesti selalu kita suburkan dengan semangat hormat menghormati. Jangan kita biar teknologi duniawi menggoncang perpaduan dengan percikan api perbalahan dan provokasi. Kukuhkanlah semangat persefahaman dengan nilai saling menyanyangi dan saling melengkapi.
11. Setiap daripada kita adalah umpama warna-warni yang memancar pelangi. Kita berbeza tetapi sama-sama penting dalam mencipta keindahan dan keunikan tersendiri. Begitu uniknya Malaysia kerana sejak lebih enam dekad, menyatukan rakyatnya yang berbeza budaya, kaum dan agama, di bawah satu bumbung yang sama.

12. Dalam konteks ini, Perak sentiasa menjadi cerminan kemajmukan Malaysia yang menjadi teladan dalam memaknakan semangat perpaduan. Semoga ikatan perpaduan yang kita bina selama ini akan terus subur dan menjadi kunci kejayaan kita dalam mensentosakan negeri dan membahagiakan rakyat.
13. Mudah-mudahan, berkat titah berterusan daripada Paduka Seri Tuanku yang tiada jemu menukulkan ingatan dan pedoman buat sekalian jentera pentadbiran, bumi bertuah Perak Darul Ridzuan ini akan sentiasa dilimpahi dengan keberkatan, kemakmuran dan kesejahteraan.
14. Sebelum mengundurkan diri, penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua yang hadir memeriahkan majlis pada pagi ini. Penghargaan juga kepada seluruh jawatankuasa yang telah bersinergi menyatukan idea dan menyempurnakan kerja demi memastikan majlis berlangsung dengan penuh adab dan jayanya.

**Ampun Tuanku,**

15. Demikian berakhirnya sembah ucapan patik. Sebelum mengundurkan diri, patik bagi pihak kerajaan Duli Tuanku dengan penuh hormat takzimnya merafakkan sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku sudi bercemar duli berangkat ke majlis pada pagi ini.

16. Semoga Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri, serta seluruh kerabat diraja, sentiasa mendapat perlindungan dari Allah Subhanahuwataala, sihat wal'afiat serta dilimpahi rahmat dan nikmat kesejahteraan, keimanan dan keberkatan.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarokatuh.

Patik menjunjung kasih Tuanku.